KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 1.7 2022_17



ANTARA gajah liar yang memusnahkan tanaman di ladang ternakan lembu dan kambing milik Aqim di Batu 14, Jalan Mersing, Kluang pada Selasa lalu.

Penternak bimbang ancaman gajah liar

KLUANG – Malang menimpa seorang penternak lembu dan kambing apabila ladang yang diusahakan untuk menternak haiwan peliharaannya musnah akibat diceroboh 60 gajah liar di Batu 14 Jalan Mersing di sini Selasa lalu.

Aqim Marzuki , 33, berkata, kehadiran gajah berkenaan bukan sahaja memusnahkan sumber makanan bagi ternakan, tetapi turut merosakkan pintu pejabat miliknya.

"Masalah ini mula muncul selepas kawasan sekitar dilapangkan bagi penanaman semula kelapa sawit menyebabkan gajah-gajah berkenaan terputus bekalan makanan.

"Apa tindakan dan bantuan yang boleh diberikan kepada kami yang kerap berhadapan masalah pencerobohan haiwan liar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, pencerobohan gajah liar di ladangnya berlaku sejak 2017 dan aduan sudah dibuat kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kalau dahulu, pencerobohan gajah ini berlaku kira-kira empat kali setahun tetapi sejak awal tahun lalu, setiap bulan haiwan liar itu akan muncul dan merosakkan ladang saya.

"Kejadian terbaharu berlaku Selasa lalu apabila kira-kira 60 ekor gajah memusnahkan rumput yang ditanam untuk makanan lembu dan kambing ternakan. Gajah berkenaan turut memecahkan pintu pejabat kami," katanya.

Menurut Aqim, dia yang menternak lembu dan kambing terpaksa menanggung kerugian RM200,000 akibat pencerobohan gajah liar berkenaan sejak 2017.